

## RM38,000 menanti di Laguna Park

KLANG - Hadiah bernilai hampir RM38,000 menanti pemancing bertuah pada Cabaran Memancing Laguna Park anjuran pemaju Taman Perindustrian Pulau Indah dan perumahan Laguna Park, Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. (CSSB) di sini Ahad ini.

Ketua Pegawai Operasi CSSB, Ir. Roslan Ahmad, berkata, pertandingan memancing ini merupakan acara tahunan syarikat sekali gus mempromosikan projek perumahan Laguna Park, Taman Perindustrian Pulau Indah dan Selangor Halal Hub di Pulau Indah.

"Selain menarik kehadiran orang ramai ke Pulau Indah, pertandingan memancing ini juga diharapkan dapat membantu kami dalam mempromosikan projek yang sedang dan akan dilaksanakan di sini," katanya.

Seperti tahun lalu, pertandingan memancing ini menawarkan hadiah wang tunai RM15,000 untuk juara, kedua RM7,000 dan ketiga RM3,000.

Sementara pemenang keempat pula akan menerima RM1,500 kelima RM700, keenam hingga sepuluh RM200 dan hadiah kesebelas hingga ke-20 bakal menerima RM100.

Turut ditawarkan ialah sebuah motosikal Modenas Kriss sebagai hadiah cabutan bonanza, 30 hadiah cabutan bertuah serta 500 kemeja-t



ROSLAN menyampaikan hadiah kepada juara pancing yang diadakan pada pertandingan memancing di Laguna Park sebelum ini.

untuk peserta yang mendaftar awal.

Lebih menarik, pada hari pertandingan, CSSB akan membuka gerai pameran lima jenis hartanah untuk dijual yang siap dengan Sijil Layak Menduduki (CF) dan pakej istimewa.

Sehubungan itu, sesiapa yang ingin menyertai pertandingan memancing ini, pendaftaran kini dibuka di pejabat CSSB di Laguna Park dengan bayaran RM60 untuk satu joran atau hubungi talian 013-3838655 dan 013-6322137 untuk keterangan lanjut.